# MANUAL PENGEMASKINIAN MAKLUMAT AKADEMIK MURID BAGI PERMOHONAN KE SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP) DAN SEKOLAH KAWALAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PANDUAN PENGGUNA : JABATAN PELAJARAN NEGERI (JPN)

## 1. PENDAHULUAN

Modul Pemantauan Permohonan Murid bagi Permohonan ke Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kawalan adalah merupakan aplikasi berasaskan web yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. Modul ini digunakan untuk memantau permohonan murid yang membuat permohonan ke Tingkatan Satu (1) di Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kawalan Kementerian Pelajaran dan permohonan ke Tingkatan Empat (4) di Sekolah Berasrama Penuh.

## 2. TUJUAN PANDUAN

Tujuan panduan ini disediakan adalah untuk memudah dan membantu Pegawai JPN memantau permohonan murid-murid ke Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kawalan melalui Aplikasi Permohonan ini.

## 3. CAPAIAN SISTEM

Aplikasi Permohonan ini boleh dicapai melalui mana-mana komputer yang mempunyai kemudahan internet. Pautan Aplikasi Permohonan ini diletakkan pada Portal Kementerian Pelajaran Malaysia seperti di bawah:

http://apps2.moe.gov.my/sekolahmalaysia

# 4. PANDUAN PENGGUNA

## 4.1. Menu Utama

### 4.1.1. Muka Depan




**Arahan** :

Pegawai PPD memasukkan Id dan Katalaluan seperti yang telah didaftarkan untuk Aplikasi Pangkalan Data Murid.

### 4.1.2. Paparan JPN



**Arahan:**

Sila tukar kata laluan (sekiranya baru pertama kali login) untuk menjaga kerahsiaan maklumat.

### 4.1.3 Pemantauan dan Feeder




#### 4.1.3.1 Pemantauan Permohonan

a. Klik butang Permohonan.



i. Paparan semua PPD di bawah seliaan JPN tersebut akan dipaparkan.

ii. Nama PPD, bilangan pemohon yang memohon ke sekolah kawalan dari PPD tersebut, bilangan permohonan yang telah disahkan oleh Pengetua / Guru Besar atau Guru Penolong Kanan HEM (sekiranya Pengetua / Guru Besar tiada) dan bilangan permohonan ke sekolah kawalan yang belum disahkan dipaparkan.

iii. Untuk melihat permohonan yang belum disahkan secara terperinci, klik pada nombor di ruangan Belum Disahkan.




iv. Paparan semua sekolah di bawah seliaan PPD tersebut akan dipaparkan.

v. Maklumat nama sekolah, bilangan pemohon yang memohon ke sekolah kawalan dari sekolah tersebut, bilangan permohonan yang telah disahkan oleh Pengetua / Guru Besar atau Guru Penolong Kanan HEM (sekiranya Pengetua / Guru Besar tiada) dan bilangan permohonan ke sekolah kawalan yang belum disahkan dipaparkan.

vi. Permohonan dari sekolah rendah adalah permohonan ke Tingkatan 1 Sekolah Kawalan manakala permohonan dari sekolah menengah adalah permohonan ke Tingkatan 4 Sekolah Kawalan (hanya permohonan ke Sekolah Berasrama Penuh yang dibuka untuk permohonan).




vii. Untuk melihat permohonan yang belum disahkan secara terperinci, klik pada nombor di ruangan Belum Disahkan.



viii. Maklumat murid yang masih belum disahkan oleh Pengetua / Guru Besar atau Guru Penolong Kanan HEM (sekiranya Pengetua / Guru Besar tiada) akan dipaparkan.

ix. Maklumat nama murid, kelas, pilihan jenis sekolah kawalan, sekolah yang dipilih, status permohonan dan status pengesahan permohonan oleh Pengetua / Guru Besar atau Guru Penolong Kanan HEM (sekiranya Pengetua / Guru Besar tiada) dipaparkan.

4.1.3.2 Pemantauan Kelulusan

a. Klik butang Kelulusan.




| Bil | Nama | Dari Sekolah | Ke Sekolah | Negeri | PPD | Pengesahan Guru Besar |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ABDUL AZEEM BIN ABDUL MUTALIB | SK MADRASAH DATUK HJ. ABDUL KADIR HASAN | SMK AGAMA SRI AMAN | SARAWAK | SARATOK | Belum |
| 2 | ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD YUSUF | SK KEMPAS | SMKA MAAHAD MUAR | JOHOR | MUAR | Belum |
| 3 | ABDUL RASID BIN AHMAD | SK BATU EMPAT | SMKA LIMBANG | SARAWAK | LIMBANG | Belum |
| 4 | ADAM HIBATULLAH BIN ACHMAD NURULLAPUNU | SK SERI MURNI | SMA KUALA LUMPUR | WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR | JP WP KUALA LUMPUR - ZON SENTUL | Belum |
| 5 | AFFAN HIDAYAT B AZREEN | SK PAYA RUMPUT | SMKA SULTAN MUHAMMAD | MELAKA | MELAKA TENGAH | Belum |
| 6 | AFKAR SYUKERI B IDRIS | SK SERI MANJUNG | SMKA SLIM RIVER | PERAK | BATANG PADANG | Belum |
| 7 | AHMAD ZAKI B AMRAN | SK BANDAR TANGKAK | SMKA JOHOR BAHRU | JOHOR | PASIR GUDANG | Belum |
| 8 | AHMAD ZAKI B AMRAN | SK BANDAR TANGKAK | SMKA BANDAR PENAWAR | JOHOR | KOTA TINGGI | Belum |
| 9 | AHMMAD YUNUS BIN ABDUL GHANI | SK SEMANGAR | SMKA SEGAMAT | JOHOR | SEGAMAT | Belum |
| 10 | AINA NADHIRAH BINTI MOHD NORDIN | SK KEMPAS | SMKA JOHOR BAHRU | JOHOR | PASIR GUDANG | Belum |
| 11 | AISHAH BINTI AJOS | SK SERI PULEH | SMKA JOHOR BAHRU | JOHOR | PASIR GUDANG | Belum |
| 12 | AYU KHAIRUNNISA BT ABDUL HALIM | SK SEMANGAR | SMKA JOHOR BAHRU | JOHOR | PASIR GUDANG | Belum |
| 13 | AZNUR | SK KG KUALA PAJAM | SMKA KUALA SELANGOR | SELANGOR | KUALA SELANGOR | Belum |
| 14 | CHE HARDIYAH BT. CHE HASSAN | SK POLIS DEPOT | SMA KUALA LUMPUR | WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR | JP WP KUALA LUMPUR - ZON SENTUL | Belum |

b. Paparan semua PPD di bawah seliaan JPN tersebut akan dipaparkan. Paparan ini adalah mengikut sektor JPN tersebut (SPS/SPI/SBP).

c. Nama PPD, bilangan pemohon yang memohon ke sekolah kawalan ke PPD tersebut, bilangan permohonan yang telah disahkan oleh Pengetua / Guru Besar atau Guru Penolong Kanan HEM (sekiranya Pengetua / Guru

Besar tiada) dan bilangan permohonan ke sekolah kawalan yang belum disahkan dipaparkan.

d. Untuk melihat permohonan yang belum disahkan secara terperinci, klik pada nombor di ruangan Belum Disahkan dan paparan terperinci mengenai permohonan tersebut dipaparkan.




### 4.1.3.3 Feeder Kawalan




a. Klik butang Feeder.

b. Klik butang Tambah Feeder untuk masukkan sekolah kawalan mengikut sektor masing-masing.
c. Sila masukkan semua maklumat yang diperlukan kerana maklumat ini akan digunakan untuk permohonan dan kelulusan permohonan.
d. Klik butang Simpan apabila semua maklumat yang diperlukan selesai dilakukan.




| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | SAID | | GAJAH | dan Perempuan) Kelas 2 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 2 | SMK MUNSHI ABDULLAH | Kelas Aliran Agama | MELAKA TENGAH | Kelas 1 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) Kelas 2 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 3 | SMK BUKIT RAMBAI | Kelas Aliran Agama | MELAKA TENGAH | Kelas 1 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) Kelas 2 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 4 | SMK DATO' ABDUL RAHMAN YA'KUB | Kelas Aliran Agama | JASIN | Kelas 1 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) Kelas 2 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 5 | SMK DATO' HAJI TALIB KARIM | Kelas Aliran Agama | ALOR GAJAH | Kelas 1 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) Kelas 2 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 6 | SMK LUBOK CHINA | Kelas Aliran Agama | ALOR GAJAH | Kelas 1 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) Kelas 2 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 7 | SMK SULTAN ALAUDDIN | Kelas Aliran Agama | ALOR GAJAH | Kelas 1 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) Kelas 2 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 8 | SMKA SULTAN MUHAMMAD | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama | Mengikut Negeri | Kelas 1 : 30 orang (Lelaki Sahaja) Kelas 2 : 3[illegible] (Lelaki Sahaja) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 9 | SMKA SHARIFAH RODZIAH | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama | Mengikut Negeri | Kelas 1 : 30 orang (Perempuan Sahaja) Kelas 2 : 30 orang (Perempuan Sahaja) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |
| 10 | SMKA TUN PERAK | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama | Mengikut Negeri | Kelas 1 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) Kelas 2 : 30 orang (Lelaki dan Perempuan) | AGAMA | Y | Kemaskini Padam |

e. Apabila feeder telah dimasukkan, maklumat feeder tersebut boleh dikemaskini atau di padam dengan klik butang Kemaskini atau Padam dihujung nama feeder itu.

### 4.1.4 Carian Pemohon



a. Pada carian pemohon, masukkan nombor kad pengenalan atau nama murid kemudian klik menu ‘Cari Murid’.



b. Maklumat murid tersebut akan dipaparkan.